



TERKINI | UTAMA & SENSASI



By *Mohd Arshad* 28/09/2022 0 63

Setiap individu yang layak dikehendaki membayar cukai pendapatan kepada kerajaan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL).

Ikuti Mynewshub: [Telegram](#)

Bayaran cukai pendapatan penting untuk kerajaan menampung perbelanjaan negara yang tentunya berkait rapat dengan keperluan masyarakat.

Justeru, menjadi kewajipan setiap pembayar cukai untuk memastikan bahawa mereka maklum mengenai aspek percukaian membabitkan diri sendiri.

Kegagalan mana-mana pembayar cukai membayar cukai boleh berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bagaimanapun, dalam keadaan tertentu sebilangan kecil pembayar cukai kadang-kala berdepan dengan isu tidak menerima makluman percukaian daripada HASiL.

HASiL ada menjelaskan bagaimana keadaan itu boleh berlaku iaitu disebabkan maklumat perhubungan dalam rekodnya adalah berbeza.

Sebagai contoh, alamat surat-menyurat yang digunakan adalah alamat majikan (majikan lama) atau alamat surat-menyurat telah

berubah (tidak dikemaskini).

Justeru, HASiL menasihati pembayar cukai supaya memaklumkan dengan segera sekiranya terdapat perubahan ke atas sebarang maklumat peribadi mereka.

Proses untuk melakukan pengemaskinian maklumat peribadi boleh dibuat secara mudah iaitu secara dalam talian menerusi aplikasi e-Kemaskini HASiL di <https://mytax.hasil.gov.my/> > Log Masuk > Perkhidmatan ezHASiL > e-Kemaskini.

Pembayar cukai boleh juga berbuat demikian dengan menggunakan Borang Maklum Balas Pelanggan HASiL di <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/>.

Bagi mereka yang lebih selesa untuk melakukan urusan tersebut secara manual boleh hadir ke cawangan HASiL yang mengendalikan fail cukai pendapatan mereka.

Antara maklumat yang perlu dikemaskini sekiranya terdapat perubahan adalah alamat surat-menyurat/alamat kediaman, alamat perniagaan (jika berkenaan) dan e-mel peribadi.

Nombor telefon, nombor paspot (bagi bukan warga Malaysia), nama dan nombor akaun bank (jika berkenaan), taraf perkahwinan dan maklumat ejen cukai (jika berkenaan).

Bagi pengemaskinian alamat surat menyurat, alamat e-mel peribadi dan nombor telefon perlu menggunakan Borang Permohonan Pertukaran Alamat (CP600B).

Bagi tujuan mengemaskini maklumat peribadi yang lain, pembayar cukai dikehendaki mengemukakan satu surat pemberitahuan beserta dokumen sokongan yang berkaitan.

9/29/22, 11:24 AM

Kemaskini Maklumat Peribadi Dengan HASIL « MYNEWSHUB

Mudah bukan jadi apa tunggu lagi. Segera semak maklumat peribadi anda pada HASIL bagi memastikan sama ada ia yang terkini atau perlu dikemaskini.

-Mynewshub